

DARUL QURAN

BIL. 24 TAHUN 2020M/1442H

ISSN 2229-9130

1. **Bacaan Intertekstual Terhadap Tafsir Nur Al-Ihsan: Kajian Menurut Kaedah Konversi**
Mohd Sholeh Sheh, Yusuf Othman, Mohd Nizam Sahad
2. **Analisis Pemikiran Tajdid: Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin**
Mohd Puaad Abdul Malik, Rahimin Affandi Abdul Rahim
3. **Cabar Dalam Membentuk Remaja Ke Arah Kecemerlangan Seiring Perkembangan Teknologi Semasa Menurut Perspektif Al-Quran**
Mohammad Haziq Mohd Isnin, Abdul Hafiz Abdullah, Mohamad Hazizul Hafiz Hazizan
4. **Keberkesanan Intervensi Kelompok Bimbingan Terhadap Resiliensi Pelajar Tahfiz Dengan Menggunakan Modul Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs**
Mohd Zaharen Md Zahir, Md Noor Saper, Muhamad Nasir Bistamam, Nur Hallyda Mohd Sham
5. **Pengaruh Konteks Dalam Pemaknaan Hadis Rasulullah SAW**
Mohd Zuhdi Ismail
6. **Metodologi Pusat Pengajian At-Toyyibah Dalam Hafalan Al-Quran**
Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abdul Halim, Sedek Ariffin, Mohd Yakob @ Zulkifli Mohd Yusoff
7. **Sejarah Dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur**
Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, Rabi'atul Athirah Muhammad Isa
8. **The Misinterpretations Of The Qur'an By Islamic Liberal In Malay Archipelago**
Yusri Chek
9. **A Comparative Analysis Of Abduldaem Al-Kaheel And Zaghloul El-Naggar On Geological Phenomena**
Lukman Afandi, Monika @ Munirah Abd Razzak

JURNAL DARUL QURAN

“Jurnal Darul Quran” merupakan sebuah jurnal akademik yang bertujuan untuk memberikan wadah bagi penelitian dan kajian mengenai Al-Qur'an. Jurnal ini mewakili institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia yang terdiri daripada Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Universiti Islam Negeri Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, dan Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim. Jurnal ini akan membentuk platform bagi penyebarluasan maklumat dan pengetahuan mengenai Al-Qur'an di kalangan ahli ilmu dan pengajar.

JURNAL DARUL QURAN

EDITION 1.0

10 JULY 2016

ISSN 2631-6763

PERAKTARAN PENGURUSAN JURNAL

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

www.islam.gov.my

PERAKTARAN PENGURUSAN JURNAL

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

Diterbitkan oleh:

DARUL QURAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jalan Hamzah Ampang Pecah

44000 Kuala Kubu Baharu

Selangor

Tel: 03-60635333 Faks: 03-60645497

www.darulquran.gov.my

ISSN 2229-9130

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jurnal Darul Quran	iii
Kata Alu-aluan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM	vi
Kata Pengantar Ketua Editor	viii
Biodata Penulis	x
Bacaan Intertekstual Terhadap <i>Tafsir Nur Al-Ihsan</i> : Kajian Menurut Kaedah Konversi	1
Analisis Pemikiran Tajdid: Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin	24
Cabaran Dalam Membentuk Remaja Ke Arah Kecemerlangan Seiring Perkembangan Teknologi Semasa Menurut Perspektif Al-Quran	64
Keberkesanan Intervensi Kelompok Bimbingan Terhadap Resiliensi Pelajar Tahfiz Dengan Menggunakan Modul Kelompok Bimbingan <i>Tazkiyah An-Nafs</i>	90
Pengaruh Konteks Dalam Pemaknaan Hadis Rasulullah SAW	112
Metodologi Pusat Pengajian At-Toyyibah Dalam Hafalan Al-Quran	131
Sejarah Dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur	145
The Misinterpretations Of The Qur'an By Islamic Liberal In Malay Archipelago	170
A Comparative Analysis Of Abduldaem Al-Kaheel And Zaghloul El-Naggar On Geological Phenomena	200

BIODATA PENULIS

MOHD ZUHDI BIN ISMAIL kini bertugas sebagai pensyarah kanan di Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Kelantan. Beliau memulakan pengajian di peringkat ijazah pertama di Universiti al-Azhar, Mesir di dalam bidang Bahasa arab dan Kesusasteraan dan meneruskan pengajian di peringkat ijazah Sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris di dalam bidang Kesusateraan Islam dan Doktor Falsafah (UM). Beliau telah menghasilkan beberapa penulisan di dalam jurnal, buku dan lain-lain yang berkaitan dengan bidang kepakaran beliau.

YUSRI BIN CHEK merupakan Penolong Pengarah Kanan dan Pensyarah di Darul Quran Jakim. Beliau memulakan pengajian di peringkat ijazah pertama di Universiti Malaya di dalam bidang al-Quran dan al-Hadith dan meneruskan pengajian di peringkat ijazah Sarjana di Universiti yang sama serta Doktor Falsafah (UKM). Beliau telah menghasilkan beberapa penulisan di dalam jurnal, bab dalam buku, dan lain-lain yang berkaitan dengan bidang kepakaran beliau.

NIK MD SAIFUL AZIZI BIN NIK ABDULLAH dilahirkan di Pasir Puteh, Kelantan pada 27 Julai 1979. Mendapat pendidikan al-Quran di Maahad Tahfiz Al-Quran, Pulai Chondong, Kelantan dan 1998 memperolehi Diploma Tahfiz al-Quran, JAKIM. Pada tahun 1999 mendapat ijazah sanad Al-Quran (30 juzuk) (riwayat Hafs ‘an Asim dan Warsh ‘an Nafi’) di Maahad Qiraat Shoubra, Cairo, Egypt. Graduan dari Islamic University Madinah, Arab Saudi dalam bidang Tafsir al-Quran tahun 2004 dan Pengajian Islam (Tafsir& Qiraat) dan Ijazah Sarjana UKM dalam bidang al-Quran & Sunnah tahun 2009, kemudian menamatkan pengajian di peringkat PhD di IIUM dalam bidang Pendidikan Islam dan al-Quran pada tahun 2014. Sekarang sedang berkhidmat di Fakulti Pendidikan Universiti Islam

Sejarah Dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur.

Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah
Kuliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
nikazizi@iium.edu.my

Rabi'atul Athirah Muhammad Isa
Jabatan al-Quran dan Al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia
irafansurie@yahoo.com

Abstrak

Kajian deskriptif kuantitatif ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Kajian ini melibatkan pelajar Ulul Albab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL). Pengkaji membuat penilaian berdasarkan Model Penilaian Stufflebeam. Kajian ini melibatkan 210 orang responden yang terdiri daripada pelajar Ulul Albab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Instrumen soal selidik telah dibina dan disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar untuk mendapat data penilaian konteks sebelum diedarkan kepada pelajar. Data kuantitatif daripada set soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan elemen penilaian konteks berada pada tahap tinggi dan menunjukkan tahap penilaian kefahaman yang baik di kalangan pelajar Ulul Albab terhadap pelaksanaan kurikulum TMUA. Implikasi dari kajian ini, penilaian kurikulum TMUA dapat diperkembangkan lagi dari aspek kandungan input dan output supaya kurikulum ini mampu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi akademik, rohani dan akhlaknya.

Kata kunci: *Sejarah, Kaedah, Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur.*

The Historical and Implementation of The Ulul Albab Tahfiz Module Curriculum: A Research in Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur.

Abstract

This descriptive quantitative research was conducted in order to evaluate the application of the subject of Hifz al-Quran based on the Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). This research involved the students of Ulul Albab of Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL). The researcher had evaluated this based on the Stufflebeam Evaluation Model. The study involved 210 respondents consisted of students from Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. The instrument has been developed by researchers and its contents confirmed by a panel of expert. Cronbach alpha results for reliability level for all section of the two sets of questionnaires were high (> 0.8). The survey had been used to achieve the context, input, process and the products that had been distributed to the students. The quantitative data from the results had been analyzed through *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) to get the frequency, percentage, mean and standard deviation. The research result had shown its context is at the highest level. The findings also show a good understanding of the assessment process among the students that understand the implementation of the curriculum TMUA. The implication of this study, all the curriculum can be expanded in terms of content input and output so that the curriculum would produce students who are balanced in terms of academic, spiritual and moral.

Pendahuluan

Di Malaysia, sejak belakangan ini, permintaan pengajian dalam bidang tafhiz al-Quran semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam. Ini terbukti apabila setiap tahun jumlah bilangan yang tinggi permohonan calon untuk memasuki institusi-institusi dan pusat tafhiz yang mengalakkan sama ada di pusat-pusat dan maahad-maahad tafhiz yang diasaskan secara persendirian di bawah kelolaan kerajaan negeri mahupun persekutuan. Situasi ini berbeza dari keadaan di awal kemunculannya kerana ketika itu pengajian tafhiz dilihat sebagai terasing dan tidak menjanjikan peluang pekerjaan. Meskipun begitu, pada hakikatnya masyarakat Islam di Malaysia telah lama diperkenalkan dengan pengajian al-Quran sekian lama dahulu iaitu sejak mula ianya bertapak di tanah nusantara. Permintaan rakyat yang tinggi ini juga telah mendapat perhatian serius Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan perkembangan kurikulum tafhiz berjalan dengan seimbang di negara ini.¹

Rentetan itu, satu saranan supaya kurikulum dini dan kurikulum tafhiz di SABK diselaras dan dijadikan Kurikulum Kebangsaan ketika Seminar Pemantapan Kurikulum SABK peringkat kebangsaan pada 3 hingga 5 Disember 2008 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Cadangan penyelarasan kurikulum ini juga disepakati pada Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali ke-86 di Kangar, pada 27 Mei 2011. Seterusnya, pada 4 Disember 2012, mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) telah bersetuju menamakan kurikulum baharu ini sebagai Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Akhir sekali, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-204, Bil 1/2014 bertarikh 24 Februari 2014 bersetuju dengan pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia mulai 2014 dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).²

Penjenamaan program Ulul Albab adalah cetusan idea YB Dato' Seri Idris Jusuh yang diperkenalkan bermula dalam rangkaian Sekolah Menengah Imtiaz, Yayasan Terengganu (SMIYT), kemudian diperluaskan ke dalam jajaran institusi pendidikan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui panawaran program tersebut ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) pada tahun 1998. Kejayaan positif yang ditunjukkan oleh kedua-dua institusi pendidikan tersebut, berjaya menarik perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI) untuk memperluaskan penawaran Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di sekolah-sekolah KPM.

Justeru itu, pada tahun 2014, Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab ini diperkenalkan dan tiga buah sekolah telah terpilih untuk menggunakan kurikulum ini. Objektif utama penubuhan kurikulum ini adalah untuk melahirkan ahli professional, teknokrat, usahawan dan mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab. Selain itu, pelaksanaan kurikulum ini juga adalah untuk melahirkan generasi Ulul Albab yang beriman, bertaqwah, berilmu, berakhhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Bagi merealisasikan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab ini dalam sistem Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia ini, aspek multilingual diutamakan dengan menjadikan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab sebagai teras dan bahasa antarabangsa lain seperti Bahasa Jepun, Bahasa Mandarin, Bahasa Perancis ditawarkan sebagai subjek pilihan. (KPM, 2016)³.

¹ Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil. 1 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah KPM

² Ibid

³ Ibid

Penyataan masalah

Berdasarkan Gelombang 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia komited di dalam menyediakan Pendidikan berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya di dalam pasaran kerja berteraskan nilai Islam yang kukuh. Pada 7 Disember 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab diperluaskan pelaksanaannya ke seluruh negara mulai tahun 2014.

Idea ini mula dilaksanakan secara rasminya di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKA) bermula pada 16 Januari 2014 dengan pengambilan pertama seramai 150 orang pelajar dan 15 orang guru. Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) merupakan gabungan antara Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Program Ulul Albab yang berasaskan pendekatan Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadi⁴.

Dalam penulisan ini, pengkaji mengfokuskan kajian terhadap pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Pengkaji juga menghuraikan konsep TMUA yang menggabungkan Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Kokurikulum Khas ini dengan menggunakan tiga pendekatan iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadi. TMUA menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan model tersendiri yang merangkumi mata pelajaran Hifz al-Quran iaitu menghafaz 30 juzuk berdasarkan sukanan tertentu mengikut tingkatan masing-masing serta memahami makna ayat al-Quran yang dihafaz. Selain itu, satu lagi mata pelajaran yang diperkenalkan melalui TMUA ini ialah Maharat al-Quran yang merangkumi Tilawah al-Quran, Tajwid, Adab al-Quran, Manhaj al-Qiraat, Amali Qiraat dan Rasm Uthmani.

Pengkaji mendapati beberapa kajian lepas yang menyokong dapatan bahawa amalan pedagogi guru al-Quran berada pada tahap sederhana (Azmil Hashim, 2010; Mardhiah, 2017) dan masih mengekalkan model pengajaran menggunakan kaedah tradisional serta dipraktikkan secara meluas di kalangan guru TMUA⁵. Tahap kesediaan guru dan penggunaan ABH yang kurang diberi perhatian (Mohd Jamalil Ismail et al, 2017)⁶. Guru kurang memberi perhatian dalam aplikasi teknologi dalam P&P (Mohamaad Marzuqi Abdul Rahim & Azmil Hashim 2017)⁷. Selain itu, Penggunaan ilmu tajwid yang lemah di kalangan pelajar tafsir (Zainora Daud, 2018)⁸.

Penulisan ini penting dalam menilai pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah yang terpilih yang menggunakan kurikulum yang sama bermula pada tahun 2014 sehingga sekarang. Pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran ini dinilai dari aspek konteks dengan memfokuskan kepada keperluan mata pelajaran, objektif mata pelajaran dan kesesuaian mata pelajaran Hifz al-Quran dalam kurikulum TMUA. Hasil penilaian dapat membuktikan adakah mata pelajaran Hifz Al-Quran yang dilaksanakan memenuhi keperluan dan bertepatan dengan matlamat dan objektif kurikulum tafsir serta keperluan pendidikan tafsir yang diharapkan benar-benar berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL).

⁴ Muhd. Zulhilmi Haron, Mohd. Khairi Othman, Mohd Isha Awang. 2018. Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab Di Malaysia: Isu dan Cabaran. Universiti Malaysia Kelantan, 4-5 Nov.

⁵ Laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis, (2017).

⁶ Ismail, M. J., Mohamad, S., Tengku Puji, T. I. Z., & Yusof, N. H. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, 15(1), 55-65. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/220>

⁷ Mohamad Marzuqi Abdul Rahim & Azmil Hashim (2017). Pendekatan Pengajaran dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia. Jurnal Perspektif: Special Issue, (79-88) 79 ISSN 1985-496X /eISSN 2462-2435.

⁸ Zainora Daud (2018). Tahap Keberkesanan Ilmu Tajwid Analisis Terhadap Sekolah Tahfiz Swasta di Selangor: Level of Effectiveness of Tajwid Analysis on Private Tahfiz School in Selangor. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs. Halaman 24-35.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran dari segi konteks yang telah dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur yang menggunakan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab. Kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar terhadap pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab dengan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pelaksanaan tersebut.

Berdasarkan objektif di atas, maka kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian: Sejauh manakah pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran dari segi konteks dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab?

Metodologi Kajian

Kajian deskriptif ini menggunakan kaedah kuantitatif melibatkan 210 orang responden yang terdiri daripada pelajar Ulul Albab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL) menggunakan model penilaian Stufflebeam.⁹ Instrumen soal selidik telah dibina dan disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach bagi semua bahagian dalam dua set soal selidik adalah tinggi iaitu (>0.8). Set soal selidik tersebut digunakan untuk mendapat data penilaian konteks dan diedarkan kepada pelajar. Data kuantitatif daripada set soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

Dapatan

Dapatan kajian berjaya menjawab soalan kajian: Sejauh manakah pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz al-Quran dari segi konteks dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab?

Jadual 1 : Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Keperluan Mata Pelajaran Hifz al-Quran

No	Item	f & %	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	S.P
1	Menghafaz al-Quran merupakan salah satu komponen utama dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab.	0 (0)	0 (0)	6 (2.9)	60 (28.6)	143)	4.66 (68.1)	.533	
2	Kurikulum Hifz al-Quran diwujudkan seiring dengan Falsafah Pendidikan Islam	1 (0.5)	0 (0)	31 (14.8)	90 (42.9)	87)	4.25 (41.1)	.739	

⁹ Stufflebeam, Daniel L.(2003). The CIPP Model for Evaluation. Annual Conference of the Oregon Program Evaluators Network (OPEN). Western Michigan University.

3	Keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran TIDAK dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab	41 (19.5)	54 (25.7)	66 (31.4)	37 (17.6)	12 (5.7)	3.36	1.15 0
---	---	--------------	--------------	--------------	--------------	-------------	------	-----------

Jadual 1 menunjukkan analisis data bagi penilaian konteks yang meliputi keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran. Hasil dapatan menunjukkan daripada kesemua item, peratus paling tinggi adalah pada item yang pertama iaitu seramai 143 orang (68.1%) sangat bersetuju dengan pernyataan “Menghafaz al-Quran merupakan salah satu komponen utama dalam Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab”. Manakala peratus paling rendah adalah pada item yang kedua iaitu hanya seorang (0.5%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Min kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi dan tinggi iaitu di antara 3.36 hingga 4.66. Ini menunjukkan kefahaman yang tinggi di kalangan pelajar tentang keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran ini pada mereka. Dapatan juga menunjukkan tentang kefahaman pelajar tentang keperluan mata pelajaran ini sangat baik di mana hanya 12 orang (5.7%) yang bersetuju dengan pernyataan “Keperluan mata pelajaran Hifz al-Quran tidak dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab”.

Jadual 2 : Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Objektif Mata Pelajaran Hifz al-Quran

No	Item	f & %	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	S.P
4	Kemahiran membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid tanpa melihat mushaf al-Quran	4 (1.9)	4 (1.9)	16 (7.6)	71 (33.8)	115 (54.8)		4.38	.856
5	Kemahiran mengeluarkan ayat berdasarkan tajuk (fiqhul ayat) BUKAN objektif menghafaz al-Quran	63 (30.0)	52 (24.8)	50 (23.8)	33 (15.7)	11 (5.2)		3.59	1.218
6	Objektif mata pelajaran Hifz al-Quran dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum	5 (2.4)	11 (5.2)	41 (19.5)	95 (45.2)	57 (27.1)		3.90	.943
7	Perlaksanaan Hifz al-Quran secara bersistem dapat melahirkan modal insan yang menguasai asas ilmu agama dan bahasa arab sebagai persediaan untuk menjadi huffaz yang quranik, ensiklopedik dan ijtihadik	1 (0.5)	4 (1.9)	7 (3.3)	59 (28.1)	139 (66.2)		4.58	.696

Berdasarkan Jadual 2, Min item-item yang berada pada tahap tinggi (4.00 hingga 5.00) adalah item 4 dan 7. Bagi item 4, nilai Min yang diperolehi ialah 4.38 di mana seramai 115 orang respondan (54.8%) setuju dengan kenyataan salah satu objektif mata pelajaran Hifz al-Quran sebagai kemahiran membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid tanpa melihat mushaf al-Quran, manakala seramai 16 orang responden (7.6%) kurang setuju dan seramai 71 orang responden (33.8%) menyokong dengan setuju, seterusnya 4 orang responden (1.9%) tidak setuju dan sangat tidak setuju untuk pernyataan ini. Bagi item 7 pula, nilai Min yang diperolehi ialah 4.58. 139 orang responden (66.2%) sangat setuju dengan pernyataan “Perlaksanaan Hifz al-Quran secara bersistem dapat melahirkan modal insan yang menguasai asas ilmu agama dan bahasa arab sebagai persediaan untuk menjadi huffaz yang quranik, ensiklopedik dan ijihadik”, manakala 59 orang responden (28.1%) setuju dengan kenyataan tersebut dan seramai 7 orang responden (3.3%) kurang setuju dengan kenyataan tersebut manakala hanya 4 orang responden (1.9%) tidak setuju dan seorang responden (0.5%) sangat tidak setuju terhadap pernyataan tersebut.

Jadual 3: Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Kesesuaian Kurikulum Mata Pelajaran Hifz al-Quran dengan Keperluan Pendidikan Tahfiz

No	Item	f & %	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	S.P
8	Pembentukan pelajar yang quranik sesuai dengan keperluan pendidikan tahfiz al-Quran	0 (0)	0 (0)	9 (4.3)	95 (45.2)	105 (50.0)		4.46	.580
9	Melahirkan qurra' yang mahir dengan beberapa bacaan qiraat sesuai dengan objektif pendidikan tahfiz	1 (0.5)	6 (2.9)	29 (13.8)	94 (44.8)	79 (37.6)	4.17	.806	
10	Melahirkan pendakwah TIDAK sesuai dengan objektif mata pelajaran Hifz al-Quran	102 (48.6)	57 (27.1)	30 (14.3)	17 (8.1)	1 (0.5)	4.17	.993	

Berdasarkan Jadual 3, kesemua Min item berada pada tahap yang tinggi (4.17- 4.46). Bagi item 8, Min yang diperolehi ialah 4.46 di mana seramai 105 orang responden (50.0%) sangat setuju dengan pernyataan “Pembentukan pelajar yang quranik sesuai dengan keperluan pendidikan tahfiz al-Quran”, manakala seramai 95 orang responden (45.2%) setuju, dan seramai 9 orang responden (4.3%) kurang setuju dengan pernyataan ini. Bagi item 9 dan 10, Min yang diperolehi adalah sama iaitu 4.17. Seramai 102 orang responden (48.6%) sangat tidak setuju dengan pernyataan “ Melahirkan pendakwah tidak sesuai dengan objektif mata pelajaran Hifz al-Quran, manakala 17 orang responden (8.1%) setuju, dan hanya seorang saja responden (1.5%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini.

Dapatan menunjukkan elemen penilaian konteks berada pada tahap tinggi menunjukkan tahap penilaian kefahaman yang baik di kalangan pelajar Ulul Albab terhadap pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran berdasarkan kurikulum TMUA.

Perbincangan

Tahfiz Model Ulul Albab ini adalah sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertujuan untuk melahirkan golongan profesional dan cendekiawan agama yang menghafaz al-Quran. Pada mulanya, kurikulum ini adalah yang diguna pakai di Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Selepas SAR dan SAN didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), KPM mendapat kurikulum dini dan kurikulum tahfiz yang dilaksanakan SABK tidak seragam sehingga menimbulkan kesukaran dalam menyelaras program pendidikan di SABK, meliputi pengagihan jumlah waktu mengajar, bantuan per kapita, bantuan mata pelajaran dan latihan guru.

Oleh yang demikian penulisan ini telah menjelaskan beberapa perkara asas yang merangkumi latar belakang kajian pendidikan tahfiz di Malaysia yang menyebabkan kajian penilaian pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran berdasarkan kurikulum TMUA perlu dijalankan berdasarkan kepada situasi yang telah dinyatakan di dalam pernyataan masalah kajian ini. Seterusnya pengkaji mengubahsuai kerangka konseptual kajian yang digunakan di dalam kajian ini menurut Marzuki (2008). Selain itu, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi-definisi istilah yang digunakan juga turut dibincangkan dalam bab ini.¹⁰

Falsafah pendidikan Malaysia telah jelas menyatakan hasrat pendidikan terhadap generasi pemangkin negara. Walau bagaimanapun, laporan statistik keruntuhan akhlak dan moral anak-anak muda yang semakin meningkat dari hari ke hari membuatkan ramai ahli akademik dan warga pendidik menyedari tentang kepincangan dan kelomongan aliran pendidikan negara kita. Cabaran dan desakan dunia globalisasi yang menghimpit menuntut perubahan dan penambahbaikan dalam sistem pendidikan yang ada. Atas desakan kesedaran terhadap sistem pendidikan yang telah mencorakkan pembentukan akhlak dan jati diri muda mudi, kerajaan mula mengambil inisiatif dalam usaha untuk mentransformasikan pendidikan agar seimbang di antara pendidikan akademik dan pendidikan agama.

Tuntutan perubahan yang dihasratkan oleh kerajaan ini khususnya telah membawa kepada pemerkasaan kurikulum tahfiz di Malaysia. Secara tidak langsung, nilai tambah ini telah membawa kepada kewujudan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Abab (TMUA) yang mempunyai dua subjek utama iaitu mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran. Pelaksanaan kurikulum ini dilihat sebagai usaha serius kerajaan dalam membudayakan kehidupan quranik dalam kalangan anak muda sekarang. Anjakan paradigma dalam sistem pendidikan Malaysia ini dilihat sebagai tuntas kepada persiapan generasi muda masa kini dalam meniti kehidupan yang lebih panjang¹¹.

¹⁰ Rabi'atul Athirah Muhamad Isa (2016), Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

¹¹ Ibid

Konsep Tahfiz Model Ulul Albab

Tahfiz Model Ulul Albab ini merupakan gabungan antara Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan kokurikulum dengan menggunakan tiga pendekatan, iaitu :-

Pendekatan Quranik


Pendekatan Quranik merupakan kaedah bagi membolehkan murid menghafaz 30 juzuk al-Quran serta memahami kandungannya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah.

Pendekatan Ensiklopedik

Pendekatan ensiklopedik merupakan kaedah bagi menyediakan asas kepada murid untuk menguasai pelbagai ilmu dan bahasa serta berkemahiran tinggi dan mampu bertindak sebagai pakar rujuk kepada rakan sebaya.

Pendekatan Ijtihadik

Pendekatan ijtihadik merupakan satu kaedah untuk menyediakan murid yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah dan memaksimumkan keupayaan berfikiran aras tinggi secara kreatif dan inovatif. Pelajar diberi peluang untuk menyetai dan memimpin memimpin kegiatan kokurikulum dengan mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak di samping bergiat aktif dalam program khidmat masyarakat. Antara aktiviti kokurikulum yang dicadang untuk dilaksanakan berdasarkan kemampuan sekolah ialah berkuda, berenang, memanah, robotik dan avionik.¹²



Rajah 1: Konsep Tahfiz Ulul Albab (Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik).

Objektif Tahfiz Model Ulul Albab

Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab dilaksanakan bagi mencapai objektif melahirkan modal insan yang mampu :-

- 1 menghafaz 30 juzuk al-Quran

¹² Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. Kementerian Pendidikan Malaysia.

2 menjadi profesional yang mempunyai asas keagamaan yang mantap berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah

3 berketrampilan, berwibawa dan berkepimpinan

4 memaksimumkan keupayaan berfikir aras tinggi, kreatif dan inovatif

5 menjalankan hubungan dengan Allah Ta’ala, sesama manusia dan dengan kejadian alam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab

Dokumen kurikulum untuk mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran telah disediakan disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah yang melaksanakan TMUA adalah seperti berikut:

Jadual 4 : Mata Pelajaran Sekolah Yang Melaksanakan Kurikulum TMUA

Bil	Mata Pelajaran Menengah Rendah	Bil	Mata Pelajaran Menengah Atas
1.	Bahasa Melayu	1.	Bahasa Melayu
2.	Bahasa Inggeris	2.	Bahasa Inggeris
3.	Matematik	3.	Matematik
4.	Sains	4.	Matematik Tambahan
5.	Pendidikan Islam	5.	Fizik/Biologi
6.	Sejarah	6.	Kimia
7.	Bahasa Arab	7.	Pendidikan Islam
8.	Bahasa Antarabangsa	8.	Sejarah
9.	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	9.	Bahasa Arab
10.	Hifz al-Quran	10.	Bahasa Antarabangsa
11.	Maharat al-Quran	11.	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
12.	Geografi	12.	Hifz al-Quran
13.	Kemahiran Hidup Bersepadu	13.	Maharat al-Quran
14.	Pendidikan Seni		

Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab

Secara umumnya kurikulum tahfiz ini dipersetujui secara rasminya semasa Mesyuarat Profesional Bil 33/2013 bertarikh 19 Disember 2013 di mana Kementerian Pendidikan Malaysia bersetuju dengan pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab mulai Januari 2014. Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) bertangungjawab untuk melaksanakan pengoperasian TMUA di sekolah bawah pengurusan bahagian masing-masing¹³.

TMUA merupakan gabungan antara Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan kokurikulum dengan menggunakan tiga pendekatan iaitu pendekatan Quranik, pendekatan Ensiklopedik dan pendekatan Ijtihadik. Pelaksanaan TMUA ini adalah menyeluruh kepada para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang terpilih¹⁴.

¹³ Azhar Ahmad, Hairul Hisham Adam. 2018. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara: Pelaksanaan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara Siri ke-8. Universiti Kebangsaan Malaysia, 23-25 Okt.

¹⁴ Arniyuzie Mohd Arshad (2015), Ulasan Sistematik: Program Ulul Albab Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. Published in: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Oktober 2015, Bil. 3, Isu 4.

Hifz al-Quran

Hifz al-Quran merupakan mata pelajaran utama yang terdapat dalam kurikulum TMUA. Sukatan pelajaran ini menghendaki pelajar menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh masa lima tahun persekolahan di bawah bimbingan guru tahniz yang dilantik oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelaksanaan mata pelajaran ini merangkumi aktiviti Tahriri, Hafazan Baharu, Tahdhir, Tasmik, Murajaah dan Fiqh al-Ayat.¹⁵

Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz al-Quran

Hifz al-Quran ialah mata pelajaran yang mengkehendaki murid menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah di bawah bimbingan guru tahniz menurut sukanan tertentu pada setiap tahun. Setiap tahun murid dikehendaki menghabiskan sukanan atau *muqarrar* yang telah ditetapkan. Jadual di bawah menunjukkan pembahagian sukanan hafazan yang perlu dikuasai oleh pelajar mengikut tempoh yang dicadangkan.

Jadual 5 : Sukanan Juzuk Yang Dihafaz Pelajar Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Sukanan
Tingkatan Satu	6 Juzuk
Tingkatan Dua	7 Juzuk
Tingkatan Tiga	6 Juzuk
Tingkatan Empat	7 Juzuk
Tingkatan Lima	4 Juzuk

Langkah pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran merangkumi aktiviti yang telah disusun seperti berikut:

1 *Tahriri* hafazan

Aktiviti menulis ayat-ayat al-Quran hafazan baharu dalam buku yang disediakan bagi persediaan *tasmik*

2 Hafazan Baharu

Aktiviti menghafaz ayat-ayat al-Quran yang akan ditasmik (memperdengarkan hafazan) pada keesokan hari

3 *Tahdhir*

Aktiviti menyemak dan memperkuuh ayat-ayat hafazan baharu murid di hadapanguru secara individu sebagai persediaan sebelum aktiviti *tasmik*.

4 *Tasmik*

Aktiviti murid memperdengarkan ayat-ayat hafazan baharu di hadapan guru secara individu.

5 *Murajaah*

Aktiviti mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz murid di hadapan guru secara individu

6 *Fiqh al-Ayat*

Aktiviti murid menerangkan intisari kefahaman ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz

Pelaksanaan *Tahriri Hafazan* dan *Hafazan Baharu* pula bermula pada jam 7.30 malam hingga 9.30 malam. Kesemua aktiviti ini adalah di bawah bimbingan guru tahniz dengan nisbah

¹⁵ Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, Mohammad Baihaqi Bin Md Yusnan. (2020). The Perceptions of Teachers and Students Towards the Ulul Albab Curriculum: A Case Study of SMAKL. *Al-Burhān: Journal Of Qur'ān And Sunnah Studies*. International Islamic University Malaysia.hal 26-52.

seorang guru untuk 30 orang pelajar (1:30). Antara tugas yang perlu dipantau oleh guru tahfiz ini ialah memastikan setiap pelajar menulis dan menghafaz ayat-ayat *Hafazan Baharu* sebanyak satu muka surat. Guru tahfiz ini juga berperanan sebagai tempat rujukan murid untuk menyemak bacaan secara seorang demi seorang semasa aktiviti *Tahriri* dan *Hafazan Baharu*.

Jadual 6 : Pelaksanaan Aktiviti Kelas Malam

Bil	Waktu	Aktiviti
1.	7.30 malam - 8.00 malam	Menulis ayat hafazan baharu sebanyak satu muka surat secara individu selama 30 minit
2.	8.00 malam - 9.00 malam	Menghafaz ayat-ayat <i>Hafazan Baharu</i> sebanyak satu muka surat secara individu selama enam puluh minit.
3.	9.00 malam - 9.30 malam	Pelajar memperdengarkan bacaan <i>Hafazan Baharu</i> masing-masing

Jadual 7: Pelaksanaan Aktiviti *Tasmik* (Kelas Pagi)

Bil	Waktu	Aktiviti
1.	6.30 pagi - 7.10 pagi	Tahdhir (guru menyemak bacaan <i>Hafazan Baharu</i> pelajar)
2.	7.10 pagi - 7.30 pagi	Sarapan Pagi
3.	7.30 pagi - 8.10 pagi	Pelajar memperdengarkan ayat <i>Hafazan Baharu</i> sebanyak satu muka surat sehari di hadapan guru secara individu (4 minit : 1 murid) Aktiviti ini berlaku pada empat hari pertama minggu pembelajaran.

Jadual 8: Pelaksanaan Aktiviti *Murajaah*

Bil	Waktu	Aktiviti
1.	8.10 pagi - 8.50 pagi	<i>Murajaah Hafazan Baharu</i> <i>Murajaah</i> sebanyak dua muka surat sebelum muka surat <i>Tasmik</i> di hadapan guru secara individu (4 minit : 1 murid) Contoh : sekiranya muka surat <i>Tasmik</i> ialah muka surat 20, maka <i>Murajaah Hafazan Baharu</i> ialah muka surat lapan belas dan sembilan belas. Aktiviti ini berlaku pada empat hari pertama minggu pembelajaran
2.	8.50 pagi - 9.30 pagi	<i>Murajaah Hafazan Lama</i> Aktiviti mengulang hafazan dua muka surat seorang secara bergilir-gilir (kaedah tadarus) sebanyak satu juzuk sebelum juzuk tasmik. Setiap murid melakukan <i>muraajaah</i> di hadapan guru secara individu (4 minit : 1 murid) Contohnya, sekiranya juzuk tasmik semasa ialah juzuk dua, maka <i>muraajaah</i> hafazan lama ialah juzuk satu.

Jadual 9: Pelaksanaan Aktiviti *Murajaah Mingguan* dan *Fiqh al-Ayat*

Bil	Waktu	Aktiviti
1.	7.30 pagi - 8.30 pagi	<p><i>Murajaah Mingguan</i> Aktiviti mengulang bacaan sebanyak empat muka surat meliputi semua muka surat yang telah dihafaz pada minggu tersebut di hadapan guru secara individu (6 minit : 1 murid)</p> <p>Aktiviti ini berlaku pada hari kelima minggu pembelajaran</p>
2.	8.30 pagi - 9.30 pagi	<p><i>Fiqh al-Ayat</i> Aktiviti menerangkan intisari kefahaman ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz oleh murid pada minggu tersebut sebanyak empat muka surat di hadapan di hadapan guru secara individu (6 minit : 1 murid).</p> <p>Aktiviti ini berlaku pada hari kelima minggu pembelajaran.</p>

Implikasi

Dalam penilaian konteks pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran ini, mendapati bahawa secara umumnya, dapatan kajian berada pada tahap yang seimbang. Pelajar dilihat secara holistiknya memahami asas keperluan dan kepentingan mata pelajaran ini terhadap diri masing-masing. Pelajar juga memahami objektif mata pelajaran ini dengan baik. Keputusan ini membawa implikasi bahawa konstruk ini hanya memerlukan perubahan kecil untuk mengekalkan keseimbangan yang sedia ada dalam sesuatu program. Ini bermaksud aspek keperluan, objektif mata pelajaran dan kesesuaian kurikulum dengan keperluan tahniz hanya memerlukan kepada pemurnian dan perubahan kecil sebagai elemen nilai tambah kepada konstruk ini. Contohnya, objektif mata pelajaran Hifz al-Quran ini disusun semula supaya mempunyai kesinambungan pengajaran dan pembelajaran yang baik.

Implikasi terhadap penilaian input pula menunjukkan bahawa keputusan perubahan terhadap aspek kandungan kurikulum memerlukan pantauan yang berkala dimana perubahan-perubahan kecil ini harus dilakukan untuk memastikan matlamat kandungan kurikulum berjalan dengan baik. Ini membawa pengertian aspek kandungan ini teguh tetapi masih memerlukan penambahbaikan. Oleh itu kandungan kurikulum tahniz memerlukan kepada penambahbaikan dengan mengekalkan kandungan menghafaz keseluruhan ayat al-Quran, tajwid, fasohah dan memasukkan aspek kefahaman, tafsir al-Quran dan asbab nuzul sebahagian daripada kandungan kurikulum.

Pengkaji juga mencadangkan kepada pihak sekolah supaya memantau alat bantu hafazan yang telah disediakan kepada pelajar. Adalah penting untuk memastikan semua alat bantu hafazan berada dalam keadaan yang baik. Penggunaan alat bantuan hafazan ini harus disebar luaskan seiring dengan inovasi hafazan yang semakin banyak terdapat di pasaran seperti radio al-quran. Penambahbaikan alat bantu hafazan ini mampu memberikan perubahan yang besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini¹⁶.

¹⁶ Norhazriah Mohamed @ Ismail (2012), Program Ulul Albab Suatu Proses Transformasi Pendidikan Malaysia: Kajian Kes Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu. A research paper presented in: Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (W API-5).

Berpandukan kajian yang dijalankan ini adalah diharapkan dapat memberi suatu input dan maklumat yang berguna kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur khususnya dan kepada Bahagian Pendidikan Islam (Ulul Albab), Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak sekolah dapat meneliti langkah-langkah yang sewajarnya yang diambil untuk meningkatkan lagi kualiti dan penguasaan pelajar SMAKL dalam memenuhi keperluan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab. Untuk bidang pendidikan khususnya dalam pendidikan al-Quran, kajian ini diharap dapat mencetuskan idea kepada pensyarah yang mengajar subjek-subjek yang berkaitan dengan al-Quran di institut pengajian tinggi awam mahupun swasta berkenaan kaedah pelaksanaan kurikulum al-Quran yang terbaik untuk para mahasiswa. Para pensyarah juga dapat menambahkan ilmu dalam memilih pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut kemampuan dan kesesuaian pelajar. Kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan dan rujukan kepada penyelidik-penyelidik lain pada masa akan datang yang ingin menjalankan kajian lanjutan tentang masalah-masalah yang berkaitan.

Rumusan

Dengan tergubalnya kurikulum TMUA ini, diharap dapat menjadi penanda aras kepada kurikulum tafsir yang lebih terancang dan sistematik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Penilaian terhadap kurikulum ini merupakan salah satu komponen yang penting di dalam memastikan perjalanan kurikulum memenuhi keperluan matlamat dan objektif pendidikan tafsir. Kejayaan sesuatu kurikulum bergantung kepada sejauh manakah kesan pelaksanaannya. Diharap pengoperasian dan pelaksanaan yang baik akan menghasilkan kecemerlangan dalam sesebuah sistem pendidikan sekaligus memberi impak yang besar terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Pelaksanaan yang tidak sempurna turut memberi kesan negatif di dalam sistem pendidikan. dengan adanya penilaian kajian ini, kurikulum TMUA dapat diperkembangkan lagi dari aspek kandungan input dan output supaya kurikulum ini mampu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi akademik, rohani dan akhlaknya.

Akhir sekali, usaha memperkasakan mata pelajaran Hifz al-Quran ini harus diberi penekanan yang serius supaya hasrat kerajaan dan masyarakat amnya untuk melihat generasi muda yang quranik, ensiklopedik dan ijtihadik dapat direalisasikan setelah pelajar melalui proses kurikulum tafsir yang dibina ini. Adalah menjadi harapan pengkaji dan seluruh masyarakat untuk melihat hasil produk yang berkualiti melalui pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab ini menjadi realiti. Insya allah.

Rujukan

- Arniyuzie Mohd Arshad (2015), Ulasan Sistematik: Program Ulul Albab Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. Published in: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Oktober 2015, Bil. 3, Isu 4.
- Azhar Ahmad, Hairul Hisham Adam. 2018. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara: Pelaksanaan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara Siri ke-8. Universiti Kebangsaan Malaysia, 23-25 Okt.
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ismail, M. J., Mohamad, S., Tengku Puji, T. I. Z., & Yusof, N. H. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, 15(1), 55-65. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/220>

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil. 1 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah KPM
- Laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis, (2017).
- Marzuqi Abdul Rahim & Azmil Hashim (2017). Pendekatan Pengajaran dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia. Jurnal Perspektif: Special Issue, (79-88) 79 ISSN 1985-496X /eISSN 2462-2435.
- Muhd. Zulhilmi Haron, Mohd. Khairi Othman, Mohd Isha Awang. 2018. Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab Di Malaysia: Isu dan Cabaran. Universiti Malaysia Kelantan, 4-5 Nov.
- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, Mohammad Baihaqi Bin Md Yusnan. (2020). The Perceptions of Teachers and Students Towards the Ulul Albab Curriculum: A Case Study of SMAKL. *Al-Burhān: Journal Of Qur'ān And Sunnah Studies*. International Islamic University Malaysia. hal 26-52.
- Norhazriah Mohamed @ Ismail (2012), Program Ulul Albab Suatu Proses Transformasi Pendidikan Malaysia: Kajian Kes Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu. A research paper presented in: Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (W API-5).
- Rabi'atul Athirah Muhamad Isa (2016), Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Stufflebeam, Daniel L.(2003). The CIPP Model for Evaluation. Annual Conference of the Oregon Program Evaluators Network (OPEN). Western Michigan University.
- Zainora Daud (2018). Tahap Keberkesanan Ilmu Tajwid Analisis Terhadap Sekolah Tahfiz Swasta di Selangor: Level of Effectiveness of Tajwid Analysis on Private Tahfiz School in Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. Halaman 24-35.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan

www.darulquran.gov.my
Tel: 603-60645333 • Faks: 603-60645497